

Buka ruang untuk rombak Kabinet

Kuala Lumpur: Peletakan jawatan Dr Maszlee Malik sebagai Menteri Pendidikan akan membuka ruang kepada rombakan kabinet Pakatan Harapan, menurut penganalisis politik.

Ini kerana, kekosongan itu perlu diisi dengan keutamaan kepada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) kerana Dr Maszlee adalah wakil dari parti itu sebelum ini.

Pensyarah di Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Muhamad Nadzri Mohamed Noor berkata, sama ada ia berlaku secara kecil atau sebaliknya, ruang yang ditinggalkan Ahli Parlimen Simpang Renggam itu perlu diisi dan ia akan membabitkan pertukaran lain.

Katanya, berdasarkan komposisi parti, tempat itu akan diberi keutamaan kepada Bersatu atau Perdana Menteri perlu melakukan *swap* membabitkan parti yang membentuk Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Umum ke-14 lalu.

"Berbeza dengan zaman ketika menjadi Perdana Menteri

kali pertama, kali ini pemusatan kuasa terletak kepada lebih daripada seorang. Saya menjangkakan akan ada rombakan kecil saja kerana jika tidak, sudah pasti akan ada banyak portfolio yang perlu diubah ketika kerajaan baru memegang mandat hampir dua tahun.

"Walaupun itu adalah hak prerogatif Tun Dr Mahathir, ia pasti berbeza ketika beliau memimpin Barisan Nasional yang mana Umno begitu dominan. Pada saya, jika ada rombakan sekali pun, hanya membabitkan Bersatu saja dan perlu diingat, Kementerian Pendidikan juga adalah kementerian kanan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Universiti Malaya, Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi berkata, senario semasa menunjukkan kemungkinan berlaku rombakan membabitkan beberapa lagi nama lain yang dilihat tidak mencapai indeks petunjuk prestasi kerajaan ketika ini.